

20 tan metrik ikan import tiba minggu ini

Sinar Harian 4/1/2018 m/s 10

SHAH ALAM - Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) bersama Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) telah merangka beberapa strategi bagi memastikan bekalan ikan dalam pasaran stabil.

Pengerusi LKIM, Datuk Seri Dr Irmohizam Ibrahim berkata, melalui hasil perbincangan bersama, Nekmat kini mengimport ikan dari Bangladesh, Sri Lanka, dan Pakistan.

"Dijangkakan 20 tan metrik ikan import tiba minggu ini, selain bekalan yang ada pada Nekmat kini mencecah 40 tan metrik. Ia kebanyakannya jenis kembong, pelaling dan cencaru.

"Saya telah minta Nekmat untuk lambakkan ikan segar beku ini di pasar tani yang ada kerana fokus kami supaya rakyat boleh beli pada harga mampu milik," katanya di sini, semalam.

Pada awal Januari lalu, media melaporkan, pengguna di kawasan utara Semenanjung berdepan kenaikan harga ikan tinggi berikutan



Dijangkakan 20 tan metrik ikan import tiba minggu ini, selain bekalan yang ada pada Nekmat kini mencecah 40 tan metrik. Ia kebanyakannya jenis kembong, pelaling dan cencaru." - Dr Irmohizam

kekurangan hasil tangkapan disebabkan cuaca tidak menentu.

Sementara itu, Irmohizam berkata, beliau menjangkakan bekalan ikan kembali stabil dari segi pendaratan di Kompleks LKIM dan jeti pada April, kerana fenomena itu difahamkan berterusan hingga akhir Mac mengikut jangkaan nelayan.

Menurutnya, sebagai usaha memantau bekalan ikan, LKIM akan melanjutkan tempoh larangan pengeksportan ikan bermula 1 Disember lalu, terutamanya ikan rakyat seperti kembong dan selar, kepada akhir Februari.

"Saya juga akan minta Kementerian Perdagangan

Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK) memaklumkan kepada pihak LKIM sekiranya ada pihak tidak ikut arahan ini.

"Tindakan tegas akan diambil termasuk dihadapkan ke muka pengadilan," katanya.

Beliau berkata, bagi melindungi pengguna, beliau akan mengusulkan satu peruntukan undang-undang kepada KPDNKK untuk memastikan gejala orang tengah dapat dikurangkan.

"Saya berharap pada sidang Parlimen nanti, KPDNKK boleh mengusulkan satu rang undang-undang menanganai orang tengah bagi melindungi pengguna," katanya.